

Taman ala Hyde Park, London di ibu negara

Oleh HAMDEN RAMLI

SUNGAI BULOH 3 Mac - Kerajaan merancang membangunkan sebuah taman berskala besar seluas 160 hektar ala Hyde Park, London dan Central Park, New York untuk kemudahan warga kota beriadah, selain mengekalkan kawasan hijau di ibu negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting berkata, beberapa lokasi sekitar ibu negara yang sesuai untuk pembinaan taman berskala besar itu telah dikenal pasti oleh kementerian itu.

Beliau, bagaimanapun enggan mendedahkan lokasi tersebut kerana kertas cadangan mengenai projek tersebut belum dibentangkan ke Kabinet.

"Sebenarnya ini (cadangan membina taman berskala besar) adalah arahan Kabinet. Kami dan Kementerian Wilayah Persekutuan akan menyediakan kertas cadangan untuk pertimbangan Kabinet selanjutnya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Hari Landskap Negara di Dataran Sekolah Kebangsaan Sungai Buloh di sini, hari ini.

um- 4/3/2007

Sebenarnya ini (cadangan membina taman berskala besar) adalah arahan Kabinet. Kami dan Kementerian Wilayah Persekutuan akan menyediakan kertas cadangan untuk pertimbangan Kabinet selanjutnya

- Datuk Seri Ong Ka Ting

Sambutan yang bermula hari ini sehingga 9 Mac itu akan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti termasuk pameran dan karnival jualan pelbagai spesies tanaman termasuk daripada pemilik tapak semaian bunga yang banyak di sini.

Central Park dan Hyde Park yang masing-masing mempunyai keluasan 337 dan 142 hektar merupakan dua taman awam terkenal dunia yang dibangunkan untuk kemudahan penduduk tempatan.

Dibangunkan hasil gabungan seni reka taman asli serta tiruan, kedua-dua taman berkenaan mempunyai pelbagai kemudahan riadah dan santai, selain pemuliharaan flora dan fauna.

Mengulas lanjut, Ka Ting berkata, taman seluas 160 hektar itu akan melibatkan pembinaan pelbagai kawasan riadah yang boleh

dimanfaatkan untuk aktiviti keluarga.

Katanya, pembinaan taman berkenaan tidak akan membabitkan kawasan persendirian dan tanah-tanah perkuburan.

"Ini semua tanah kerajaan, jadi pihak swasta jangan bimbang" katanya.

Ditanya bila projek tersebut akan menjadi kenyataan, beliau berkata, semuanya masih di peringkat perancangan.

"Kita menjangkakan tahun ini kita boleh menyelesaikan segala urusan berkaitan kelulusan dan mungkin dalam beberapa tahun ini, ia boleh disiapkan," katanya.

Dalam pada itu, Ka Ting berkata, kerajaan telah memutuskan keluasan kawasan lapang yang perlu disediakan bagi setiap kawasan berpenduduk 1,000 orang dinaikkan kepada dua hektar berbanding satu hektar sebelum ini.